

KAJIAN AFEKTIF DAN RANGSANGAN BELIA GURU BAHASA MELAYU TERHADAP PENYERAPAN KONSTRUKTIVISME DINAMIK BERASASKAN PENGGUNAAN INTERNET

ADENAN AYOB

ABSTRAK

Belia wajar berfungsi secara aktif sebagai penggerak dan pembina ketamadunan. Dalam kematangan usia, kemantapan fizikal dan kecekalan minda, guru yang belia merupakan kelompok yang mampu memikul peranan sebagai warga pendidik aktif dan proaktif. Hakikatnya, bidang pendidikan telah mengalami perubahan pesat yang dibawa oleh kesan globalisasi dan ledakan teknologi maklumat. Perubahan yang berlaku secara menyeluruh telah mencetuskan aspek afektif dan rangsangan belia guru terhadap pengajaran di dalam bilik darjah. Justeru, penyelidikan ini dilakukan untuk mengkaji aspek afektif yang melibatkan dimensi sikap. Kajian tentang aspek rangsangan pula membabitkan dimensi motivasi. Daripada kedua-dua dimensi tersebut, kajian ini memfokuskan hubungannya terhadap penyerapan konstruktivisme dinamik dalam pengajaran Bahasa Melayu berasaskan penggunaan internet. Penyelidikan ini membabitkan 1400 orang guru sekolah menengah di seluruh negara, iaitu 100 orang bagi setiap negeri telah dipilih sebagai responden kajian. Pemilihan sampel dibuat secara rawak bertujuan untuk meninjau sikap dan motivasi belia guru terhadap penyerapan konstruktivisme dinamik dalam pengajaran Bahasa Melayu berasaskan penggunaan internet. Kaedah temu bual berasaskan tinjauan digunakan dalam kajian ini dengan berpandukan instrumen soal selidik. Analisis deskriptif digunakan untuk menghuraikan skor min sikap dan motivasi belia guru. Dalam pada itu, ujian Korelasi Pearson digunakan untuk melihat sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan motivasi belia guru. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan motivasi belia guru terhadap penyerapan konstruktivisme dinamik dalam pengajaran Bahasa Melayu berasaskan penggunaan internet. Dapatan kajian ini membuka laluan kepada belia guru dalam trend siber untuk memikirkan pemilihan pendekatan yang lebih sesuai diterap di dalam bilik darjah ke arah melahirkan generasi belia pelapis yang berketerampilan dalam penjaan minda bahasa.

Kata Kunci: Sikap, Motivasi, Konstruktivisme Dinamik, Internet, Globalisasi

ABSTRACT

Young teachers should be actively working as a moderator in technological civilization. In the stage of maturity, physical strength and literacy of mind, a group of young teachers could play a role as an active and proactive educator. In fact, education has undergone rapid changes that brought by globalization and information explosion. Thus, this research is based on aspects involving the dimensions of affective attitudes and also of motivational stimulus dimensions. This research involved 1400 young teachers. From every state in Malaysia, 100 young teachers were selected as a sample. A random respondent selection aimed to explore among young teachers' attitudes and motivation to the absorption of a dynamic constructivism in the teaching of Malay that based internet usage. The survey method was used in this study using questionnaire based instruments. Descriptive analysis is utilized to describe the mean score. Pearson Correlation test is also used to see if there a significant relationship between those attitudes and motivation. The results show a significant relationship between attitudes and motivation towards the absorption of a dynamic constructivism in the teaching of Malay language that is based on internet usage. The finding shows the new scope of young teachers in the cyber trend to think of a more appropriate selection to create a generation of youth who are skilled in generating and coatings language mind.

Keywords: *Attitude, Motivation, Dynamic Constructivism, Internet, Globalization*

LATAR BELAKANG KAJIAN

Aspirasi Wawasan 2020 digubal untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju mengikut acuan sendiri. Pembangunan belia berasaskan ciri-ciri modal insan yang lengkap pada masa ini merupakan usaha ke arah pengisian generasi Wawasan 2010. Antara langkah yang diatur oleh pihak kerajaan bertujuan memaju dan menyeimbangkan keutuhan bidang pembangunan belia dengan berteraskan pendidikan nasional dan global. Justeru, guru muda dikenal pasti berperanan utama ke arah membangunkan modal insan yang berjati diri kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi pengisian wawasan berkenaan. Atas prinsip dan penghayatan wawasan tersebut juga, modal insan yang ingin dihasilkan perlu berkemampuan untuk berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang-peluang baharu dan mempunyai ketahanan serta kebolehan berhadapan dengan trend persekitaran nasional dan global yang sering berubah-ubah. Belia pelapis yang

diharapkan akan dapat mengisi kepemimpinan negara yang bijak berbahasa menerusi pidato, perbahasan di parlimen dan sebagainya. Ini juga sejajar dengan impian kerajaan ke arah memantapkan parlimen belia yang bakal diwujudkan. Sehubungan itu, peranan belia-belie guru turut berfokus kepada penyediaan generasi belia pelapis dengan peluang-peluang yang lebih luas bagi mengembangkan potensi diri, melengkapkan kecemerlangan sahsiah dan membentuk ciri-ciri keperibadian yang berwibawa. Harapannya, mereka akan terus berikhtiar untuk memajukan negara dengan berpaksikan hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Dalam langkah kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju, bidang pendidikan telah dijadikan teras strategik dalam Misi Nasional (Samsudin A. Rahim, 2007). Secara tidak langsung, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) wajar menunaikan tanggungjawab dan amanah untuk mengatur strategi ke arah perwujudan golongan belia guru yang dapat menghadapi cabaran globalisasi, selain mengangkat sistem pendidikan supaya berada dalam kelas dunia. Oleh itu, pelbagai perubahan dan pembaharuan telah dilaksanakan, salah satunya yang membabitkan kurikulum Bahasa Melayu. Antara pembaharuan mapan yang dilakukan adalah menerusi penyemaian aspek afektif dan rangsangan dalam persekitaran konstruktivisme dinamik berasaskan penggunaan internet.

Konstruktivisme bermaksud pembinaan pengetahuan dalam konteks pembelajaran (Costa, 2004). Ciri utama konstruktivisme memberikan penekanan kepada murid supaya membina pengetahuan sendiri dalam kerangka pembelajaran (Chapman, 2007). Tujuannya supaya murid dapat mempelajari atau menelaah sesuatu isi pelajaran secara dinamik (Woolfolk, 2000). Woolfolk menambah bahawa trend-trend semasa dalam pengajaran perlu selari dengan aspirasi konstruktivisme dinamik yang berfokus kepada penggunaan teknologi tinggi. Aspirasi yang dimaksudkan perlu dihayati sebagai pembinaan persekitaran kognitif yang aktif oleh murid di dalam bilik darjah (Adenan Ayob, 2010). Brown (2006) pula menjelaskan konstruktivisme dinamik dalam pengajaran dianggap sebagai kecenderungan umum ke arah pemprosesan pengetahuan daripada penjana minda. Menurut Woolfolk, masih belum wujud lagi sarjana pendidikan yang dapat menilai konstruktivisme dinamik berasaskan internet dengan menyentuh aspek afektif dan rangsangan secara khusus di dalam bilik darjah. Usaha yang terancang juga kurang dilakukan oleh para sarjana pendidikan untuk mentafsir dan mengambil tindakan yang sesuai serta konstruktif terhadap konstruktivisme dinamik dalam pengajaran bahasa berasaskan penggunaan internet oleh kalangan belia guru (Johnson, 2005). Paling ketara dilihat bahawa situasi pengajaran yang berpaksikan

pendekatan konstruktivisme di dalam bilik darjah amat sukar diramal pada abad ke-21 ini kerana tingkah laku dan proses penjanaaan minda murid yang rencam, selain banyak terdedah kepada pengaruh persekitaran luar (Reid, 2007). Sehubungan itu, belia guru perlu berhadapan dengan tindak balas atau respons pemikiran murid yang pelbagai, di samping mencerap secara khusus pendekatan konstruktivisme dinamik di dalam bilik darjah.

Dalam dekad yang serba mencabar ini, peranan belia guru telah dituntut untuk meneliti pendekatan konstruktivisme dengan mengambil kira fahaman behavioris dan kognitif sekali gus. Paradigma pendidikan sebegini rupa menuntut kekuatan kefahaman belia guru terhadap pendekatan konstruktivisme dinamik untuk melonjakkan tahap pemikiran murid dari segi penjanaaan dan pengembangan isi pelajaran (Adenan Ayob, 2010). Dalam usaha seseorang belia guru atau sarjana pendidikan melihat pendekatan tersebut dari aspek afektif dan rangsangan, tumpuan kefahaman perlu sejajar dengan pembicaraan pendapat yang diutarakan oleh beberapa orang ahli konstruktivis. Paparan pelbagai pendapat tentang pendekatan berkenaan yang dicerap pula perlulah ditinjau secara tepat dan jelas menerusi analisis inferensi.

PENYATAAN MASALAH

Reid (2007) berpendapat bahawa sikap dan motivasi belia guru terhadap pendekatan adalah berbeza-beza dengan berdasarkan himpunan langkah-langkah pengajaran yang berasaskan penggunaan internet. Hakikatnya, hubungan antara sikap dengan motivasi belia guru wajar disusurgalurkan daripada penyerapan konstruktivisme dinamik. Kajian hubungan antara sikap dengan motivasi wajar dilakukan supaya manfaat pembelajaran dapat berkembang di dalam bilik darjah, selain memantapkan kredibiliti penjanaaan minda murid (Adenan Ayob, 2010). Tidak dapat dinafikan bahawa dalam kajian sikap dan motivasi terhadap penyerapan konstruktivisme, timbul berbagai-bagai pendapat oleh sarjana konstruktivisme itu sendiri tentang deskripsi dan inferensi yang mengelirukan (Chapman, 2007). Adenan Ayob menambah bahawa kekeliruan wujud kerana sikap dan motivasi guru, terutamanya dalam golongan yang masih belia tidak dikaji dengan wajar. Dalam usaha untuk mengelakkan kewujudan pendapat yang berbeza-beza berdasarkan kajian-kajian tertentu, deskripsi dan inferensi dalam konteks yang ilmiah oleh sarjana pendidikan bahasa Melayu adalah amat wajar. Justeru, kajian ini cuba mengenal pasti hubungan antara sikap dengan motivasi belia guru sekolah menengah terhadap penyerapan konstruktivisme dinamik dalam pengajaran Bahasa Melayu berasaskan penggunaan internet.

OBJEKTIF KAJIAN

Berikut adalah objektif kajian yang telah digubal kajian ini. Objektif umum bagi kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara sikap dan motivasi belia guru sekolah menengah terhadap penyerapan konstruktivisme dinamik dalam pengajaran bahasa Melayu berasaskan penggunaan internet. Objektif-objektif khusus kajian ini pula adalah untuk:

- i. Mengenal pasti skor sikap dan motivasi belia guru sekolah menengah terhadap penyerapan konstruktivisme dinamik dalam pengajaran Bahasa Melayu berasaskan penggunaan internet.
- ii. Mengenal pasti hubungan antara sikap dengan motivasi belia guru sekolah menengah terhadap penyerapan konstruktivisme dinamik dalam pengajaran Bahasa Melayu berasaskan penggunaan internet.

SOALAN KAJIAN

Soalan-soalan kajian ini telah digubal berdasarkan objektif-objektif khusus yang dirangka. Soalan-soalan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah skor min sikap dan motivasi belia guru sekolah menengah terhadap penyerapan konstruktivisme dinamik dalam pengajaran Bahasa Melayu berasaskan penggunaan internet?
- ii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan motivasi belia guru sekolah menengah terhadap penyerapan konstruktivisme dinamik dalam pengajaran Bahasa Melayu berasaskan penggunaan internet?

HIPOTESIS KAJIAN

Daripada objektif dan soalan kajian, hipotesis kajian ini dipaparkan dalam bentuk Hipotesis Nol (H_0). Kepentingan hipotesis kajian ini adalah menguji kebenaran sama ada terdapat hubungan yang signifikan ataupun sebaliknya antara sikap dengan motivasi belia guru. Aras signifikan yang digunakan untuk menguji hipotesis kajian ini adalah pada aras keertian $p < 0.05$. Hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

H_0 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan motivasi belia guru sekolah menengah terhadap penyerapan konstruktivisme dinamik dalam pengajaran Bahasa Melayu berasaskan penggunaan internet.

KEPENTINGAN KAJIAN

Dalam menghasilkan generasi belia yang produktif, sumbangan belia guru amat wajar untuk membentuk kecemerlangan murid-murid yang juga merupakan generasi pelapis belia akan datang yang produktif dari segi penjana fikiran dan seterusnya menampung keperluan tenaga pemikir di peringkat nasional dan global. Oleh itu, kajian ini amat bermanfaat kepada beberapa pihak, khususnya Bahagian Pembangunan Belia, KBS serta Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM untuk meneliti hasilnya secara menyeluruh yang membabitkan penyerapan konstruktivisme dinamik dalam pengajaran Bahasa Melayu berasaskan penggunaan internet. Kajian ini turut memberikan manfaat kepada belia guru tentang penggunaan internet dalam pengajaran Bahasa Melayu. Diharapkan supaya belia guru dapat mengamalkan pengajaran yang membuka ruang kepada murid untuk membina pengetahuan sendiri dalam pembelajaran Bahasa Melayu mengikut proses yang betul dan tepat.

Kajian ini turut dilakukan untuk menyokong usaha pihak KBS serta KPM ke arah menggiatkan penggunaan internet dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkonsepkan pembestarian institusi sekolah. Setakat ini, penggunaan internet dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan belia guru masih belum meluas (Adenan Ayob, 2010). Walaupun terdapat penggunaannya, hubungan dalam aspek sikap dan motivasi tidak diuji dan disesuaikan dengan teori pengajaran dan pembelajaran. Justeru, dapatan yang positif daripada kajian ini begitu penting untuk meyakinkan belia guru dalam mentransformasikan pendekatan konstruktivisme berasaskan penggunaan internet.

Hasil kajian ini juga memudahkan belia guru untuk membuat penilaian tentang tahap keupayaan berfikir murid dalam pembelajaran dengan melibatkan pengetahuan dari segi isi, bahasa, pemahaman, pengolahan dan sebagainya. Oleh itu, murid juga didorong untuk terus berusaha dalam meningkatkan tahap pemikiran bahasa yang diperlukan. Langkah ini akan dapat memanfaatkan murid dari segi panduan untuk memperoleh kelulusan yang terbaik dalam Bahasa Melayu, selain membantu pencapaian keseluruhan dalam sesuatu peperiksaan nasional.

DEFINISI OPERASIONAL

Sikap

Menurut Rosenberg dan Hovland (1960), sikap ditakrifkan sebagai tingkah laku, perasaan dan pemikiran dalam menyampai dan menyerapkan penjana fikiran. Selaras dengan pandangan tersebut, sikap belia guru terhadap penyerapan konstruktivisme dinamik dalam pengajaran Bahasa Melayu berasaskan penggunaan

internet ditinjau dalam kajian ini. Sikap dioperasionalisasikan dalam bentuk skor menerusi kajian ini.

Motivasi

Daripada penggunaan internet, motivasi penting untuk menentukan penetapan matlamat pembelajaran menerusi penyerapan konstruktivisme yang diamalkan oleh guru di dalam bilik darjah (Woolfolk 2000). Woolfolk berpendapat bahawa motivasi berteraskan matlamat pembelajaran dapat menjana daya berfikir murid untuk menguasai ilmu pengetahuan. Oleh itu, pendapat Woolfolk disesuaikan dengan kajian ini untuk dihubungkan dengan sikap belia guru. Dalam kajian ini, motivasi dioperasionalisasikan dalam bentuk skor.

Konstruktivisme Dinamik

Idea asal konstruktivisme bermula daripada teori Perkembangan Kognitif Piaget dan teori Perkembangan Proximal Vygotsky (Chapman, 2007). Konstruktivisme dihuraikan sebagai proses pengajaran dan pembelajaran yang menerangkan cara pengetahuan disusun atau dikonstruksi dalam minda. Individu membina pengetahuan berasaskan “pengetahuan sedia ada” dan disesuaikan dengan persekitaran yang bukan diperoleh daripada pengetahuan orang lain (Adenan Ayob, 2010).

Konstruktivisme yang berfungsi dalam pendekatan pengajaran menerangkan cara pengetahuan disusun dalam minda dengan berpaksikan ciri-ciri dinamik seperti ketepatan, keaktifan dan kejelasan (Chapman, 2007). Tidak semua pendekatan pengajaran terjalin daripada pengalaman atau pancaindera guru (Fischer, 2006). Cara sesuatu ilmu disusun dan digunakan dapat merangsang murid untuk membina konsep pemahaman. Pengetahuan dikembangkan secara aktif oleh murid yang merupakan hasil pembinaan konsep atau pengetahuan (Woolfolk, 2000). Penekanan ditumpukan kepada keperluan murid untuk membina pemahaman dalam setiap konsep (Costa, 2004).

BATASAN KAJIAN

Kajian ini membataskan aspek afektif kepada dimensi sikap. Aspek rangsangan pula dibataskan kepada dimensi motivasi.

Kajian ini juga melibatkan sampel yang terdiri daripada belia guru Bahasa Melayu bagi setiap negeri di seluruh negara. Belia guru yang terlibat mempunyai beberapa kesetaraan dari segi umur dan pengalaman dalam pengajaran. Mereka adalah tenaga pengajar sekolah menengah. Fokus kajian ini adalah untuk meninjau sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan motivasi belia guru.

Batasan kajian ini turut mengambil kira kesungguhan belia guru untuk memberikan respons terhadap soal selidik berasaskan dimensi sikap dan motivasi sahaja. Komitmen belia-belia guru diutamakan oleh pengkaji untuk memastikan penglibatan dalam kajian adalah menguntungkan mereka. Kesannya bukan sahaja bergantung pada komitmen dan kesungguhan dalam menjawab soal selidik, tetapi pada setiap masa mereka akan sentiasa dikaji demi menghasilkan dapatan yang mempunyai kesahan tinggi (Dick, 2006) terhadap sesuatu yang dipelajari.

SOROTAN LITERATUR

Sikap dan Motivasi Belia Guru terhadap Penyerapan Konstruktivisme Dinamik Berasaskan Penggunaan Internet

Proses pengajaran berlaku dalam jangka panjang dan melibatkan perubahan terhadap proses berfikir. Menurut Gagne (1977), pengajaran berupaya mengubah proses pemikiran, kebolehan, sikap dan motivasi guru dalam persekitaran yang aktif dan terangsang. Proses pengajaran berlaku apabila adanya rangsangan dan tindak balas murid. Definisi pengajaran berkisar kepada satu proses jangka panjang yang terjadi dalam tingkah laku murid akibat pengalaman (Anderson, 2005). Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) pula mentakrifkan bahawa pengajaran menerbitkan pembelajaran menerusi proses belajar untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan menjalani latihan.

Menurut pandangan ahli kognitif, pengajaran berasaskan internet merupakan satu proses dalaman yang menghasilkan perubahan tingkah laku kekal bagi murid (Chapman, 2007). Hal ini juga sejajar dengan falsafah aliran behavioris yang mengungkap pengajaran secara umumnya memberikan hala tuju perubahan dalam tingkah laku murid, iaitu cara bertindak dalam sesuatu persekitaran.

Konstruktivisme Dinamik

Fahaman konstruktivisme diasaskan daripada istilah “cognitive” atau “cognition” yang bermaksud pengertian atau mengerti (Chapman, 2007). Maksud yang luas bagi “cognition” adalah perolehan, penataan dan penggunaan pengetahuan. Dalam perkembangan selanjutnya, istilah kognitif menjadi terkenal sebagai salah satu aspek psikologi yang mencakupi semua bentuk pengenalan; perilaku mental yang berhubungan dengan masalah pemahaman, pemerhatian, pertimbangan, pengolahan informasi, pemecahan masalah, pemikiran dan keyakinan. Kognitif berpusat pada akal budi dan dikesampingkan dengan kehendak afektif. Menurut golongan yang berfahaman kognitif, tingkah laku seseorang sering didasarkan pada “cognition”, iaitu tindakan untuk mengenal atau memikirkan situasi tingkah laku sambil menjana minda dalam situasi rangsangan.

Menurut Piaget (1967), proses mengadaptasi fahaman konstruktivis menerusi pengajaran wujud daripada persekitaran semula jadi menerusi dua proses,

iaitu asimilasi dan akomodasi. Asimilasi wujud jika pengetahuan baharu yang diserap oleh guru dalam pengajaran adalah secocok dengan pemilikan struktur kognitif. Akomodasi pula berlaku jika struktur kognitif yang dimiliki seseorang direkonstruksi dengan informasi yang baru diterima. Dalam teori perkembangan kognitif, Piaget juga menekankan pentingnya keseimbangan supaya guru terus mengembang dan menambahkan pengetahuan murid, sekali gus mengawal stabiliti mental. Keseimbangan antara asimilasi dan akomodasi dapat menyatukan pengalaman luar dengan struktur dalaman. Tegasnya, proses perkembangan intelek seseorang berjalan daripada ketidakseimbangan kepada keseimbangan menerusi asimilasi dan akomodasi dengan berpandukan suasana pengajaran yang berfokuskan keaktifan.

Bruner (2004) menekankan bahawa konstruktivisme dinamik berasaskan penggunaan internet akan terlaksana dengan kreatif jika guru memberikan kesempatan kepada murid untuk menemukan konsep, teori, aturan atau pemahaman daripada paparan contoh-contoh. Bruner menunjukkan keyakinan bahawa konstruktivisme dinamik berasaskan internet dicerap dalam tiga bentuk, iaitu: *enactive*, *iconic* dan *symbolic*. Pembelajaran enaktif mengandungi persamaan dengan kecerdasan. Pengetahuan enaktif merupakan manipulasi objek, iaitu murid menyelami pengetahuan berbanding memahaminya. Ikonik pula merupakan penjana minda menerusi gambaran. Murid berkemampuan mencipta gambaran dalam fikiran tentang pohon getah di ladang walaupun sukar untuk menjelaskannya dalam bentuk kata-kata. Penjana minda simbolik pula merupakan pembentangan pengalaman yang abstrak. Menurut Piaget (1967), simbolik serupa dengan operasi formal dalam proses berfikir.

Konstruktivisme dinamik berasaskan penggunaan internet boleh dikaitkan dengan pendapat Bruner (2004). Dalam konstruktivisme dinamik berasaskan penggunaan internet, Bruner menjelaskan bahawa:

- i. Wujud kecenderungan guru untuk membimbing murid menimba pengalaman.
- ii. Pengajaran yang aktif dan dinamik berupaya mencerna tahap pemikiran murid untuk mencerap isi-isi pelajaran.
- iii. Pengajaran berupaya menggerakkan aktiviti metafor murid dalam situasi kreatif untuk memangkinkan kemajuan minda.

METODOLOGI

Kaedah temu bual berasaskan tinjauan digunakan dalam kajian ini. Kaedah temu bual ini telah diselaraskan dengan reka bentuk kuantitatif yang berpandukan analisis korelasi.

Subjek bagi kajian ini adalah terdiri daripada 1400 orang belia guru sekolah menengah di seluruh negara yang dipilih secara rawak bertujuan, masing-masing 100 orang belia guru bagi setiap negeri. Subjek bagi kajian ini ditentukan oleh pengkaji dengan berpandukan pengalaman belia guru dalam pengajaran, iaitu antara lima hingga tujuh tahun. Kesemua belia guru yang dipilih juga telah dikenal pasti pernah menghadiri kursus pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu Bahagian A: Profil Responden, Bahagian B: Dimensi Sikap dan Bahagian C: Dimensi Motivasi. Soal selidik ini telah diubahsuaikan daripada Covington (2000). Pengukuran soal selidik bagi kajian ini diasaskan kepada Skala Likert, iaitu 5 untuk Sangat Setuju (SS); 4 untuk Setuju (S); 3 untuk Tidak Pasti (TP); 2 untuk Tidak Setuju (TS); dan 1 untuk Sangat Tidak Setuju (STS).

PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Soal selidik digunakan untuk mengumpulkan data sikap dan motivasi belia guru. Prosedur ini membabitkan pentadbiran soal selidik, pengedaran soal selidik kepada belia guru, dan pengumpulan soal selidik daripada belia guru yang terlibat sebagai responden. Prosedur ini dilaksanakan menerusi empat peringkat.

Dalam peringkat pertama, pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada setiap belia guru yang telah dipilih sebagai sampel di lokasi kajian. Subjek diberikan masa selama lima minit untuk mengisi maklumat yang dikehendaki.

Dalam peringkat kedua, borang soal selidik diisikan oleh belia guru di tempat kajian selama 15 minit, sambil dipantau oleh pengkaji. Pengisian soal selidik secara berpandu ini dapat memudahkan belia guru mengemukakan maklumat dan data yang diperlukan. Dalam peringkat ketiga, selepas pengisian maklumat dan pengemukaan data oleh belia guru, pengkaji mengumpulkan semula semua borang soal selidik.

Bagi peringkat keempat, kesemua data kajian dikumpulkan dalam bentuk skor item sikap dan motivasi belia guru. Pelaksanaan berpandukan peringkat pengumpulan data sikap dan motivasi belia guru terhadap penyerapan konstruktivisme dinamik dalam pengajaran Bahasa Melayu berasaskan penggunaan internet adalah sama untuk setiap lokasi kajian di semua negeri.

PENGANALISISAN DATA

Data yang dipungut berupa skor min sikap dan skor min motivasi. Skor min sikap dan skor min motivasi dianalisis dengan menggunakan program SPSS (*Statistical Package for Social Sciences*) versi 19.0. Statistik deskriptif digunakan untuk memerihalkan demografi responden yang membabitkan jantina, manakala statistik inferensi untuk menguji hubungan dan hipotesis. Analisis Korelasi Pearson digunakan oleh pengkaji untuk menguji hubungan dan hipotesis.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan data demografi responden berdasarkan taburan jantina dan pengalaman belia guru. Taburan dipaparkan dalam bentuk jumlah dan peratus.

Jadual 1: Taburan jantina belia guru.

Jantina	Jumlah (n=1400)	%
Lelaki	700	50
Perempuan	700	50
Keseluruhan	1400	100

Jadual 1 memperlihatkan keseluruhan responden kajian yang membabitkan 1400 orang belia guru Bahasa Melayu sekolah menengah. Bilangan belia guru lelaki adalah 700 orang (50%). Bilangan belia guru perempuan juga adalah 700 orang (50%).

Apakah skor min sikap dan motivasi belia guru sekolah menengah terhadap penyerapan konstruktivisme dinamik dalam pengajaran Bahasa Melayu berasaskan penggunaan internet?

Dalam kajian terhadap sikap dan motivasi belia guru, skor min dan sisihan piawai dikenal pasti. Skor min dan sisihan piawai, masing-masing bagi sikap dan motivasi belia guru ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Skor min dan sisihan piawai sikap dan motivasi belia guru.

Dimensi	(n=1400) Min	SP
Sikap	85.57	9.41
Motivasi	86.11	9.55

SP = Sisihan Piawai

Dalam Jadual 2 tersebut, skor min sikap adalah 85.57 (SP=9.41). Skor min motivasi pula adalah 86.11 (SP=9.55). Ini menunjukkan bahawa perbezaan antara min sikap dengan min motivasi hanya 0.54.

Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan motivasi belia guru sekolah menengah terhadap penyerapan konstruktivisme dinamik dalam pengajaran Bahasa Melayu berasaskan penggunaan internet?

Dalam kajian ini, analisis Korelasi Pearson telah digunakan untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan motivasi belia guru terhadap penyerapan konstruktivisme dinamik berpandukan skor min. Jadual 3 memaparkan hubungan antara skor min sikap dengan skor min motivasi belia guru terhadap penyerapan konstruktivisme dinamik dalam pengajaran Bahasa Melayu berasaskan penggunaan internet. Hipotesis nol yang diuji ialah:

Ho: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan motivasi belia guru sekolah menengah terhadap penyerapan konstruktivisme dinamik dalam pengajaran Bahasa Melayu berasaskan penggunaan internet.

Jadual 3: Hubungan antara skor min sikap dengan skor min motivasi belia guru

Korelasi	rs	Sig
Sikap dengan Motivasi	0.17	0.037*

*Signifikan pada aras $p < 0.05$

Analisis dapatan dalam Jadual 3 menunjukkan analisis hubungan antara sikap dengan motivasi belia guru. Korelasi antara sikap dengan motivasi memaparkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan pada aras $p < 0.05$ dengan nilai $r = 0.17$. Oleh itu, hipotesis nol berkenaan ditolak.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan motivasi belia guru sekolah menengah terhadap penyerapan konstruktivisme dinamik dalam pengajaran Bahasa Melayu berasaskan penggunaan internet. Dapatan kajian ini disokong oleh Dick (2006) yang menjalankan kajian hubungan antara sikap dengan motivasi dalam mata pelajaran Matematik berasaskan penggunaan komputer. Beliau melakukan kajian tersebut menerusi pengamalan penyerapan konstruktivisme yang digunakan oleh guru di dalam bilik darjah. Beliau menambah bahawa menerusi penyerapan konstruktivisme dinamik, murid bersikap dan bermotivasi tinggi untuk penggunaan komputer.

Dapatan kajian ini turut membuktikan bahawa hubungan yang kuat antara sikap dan motivasi terhadap penyerapan konstruktivisme dinamik (Brown, 2006) berupaya membantu guru dalam usaha menjana minda murid ke arah pembinaan pengetahuan yang kukuh tentang isi pelajaran menerusi proses terancang dan tepat mengenai sesuatu fenomena pembelajaran. Dapatan kajian ini juga memaparkan bahawa guru boleh menyerapkan konstruktivisme kepada murid untuk menyamakan pengetahuan secara lebih mendalam menerusi Lima Fasa Needham (Stanbridge, 2006), iaitu orientasi, cetusan idea, penstrukturan semula idea, aplikasi idea dan refleksi menerusi pautan yang mempunyai kepelbagaian aras pemikiran. Fischer (2006) mencetuskan pendapat daripada kajian beliau terhadap murid aliran menengah yang menggunakan internet berasaskan Lima Fasa Needham mampu membina tahap pengetahuan yang lebih tinggi untuk menaakul isi-isi tersirat dalam rencana.

Trowbridge dan Wandersee (2005) menegaskan bahawa dengan kecenderungan pengamalan penyerapan konstruktivisme dinamik berasaskan penggunaan internet bagi pengajian sejarah, langkah guru adalah berjaya untuk menceraip sikap dan motivasi murid ke arah pencapaian yang meningkat dengan berhalatujukan konsep pembinaan pengetahuan yang betul dan tepat. Pandangan Trowbridge dan Wandersee didapati sejajar dengan hasil kajian Von Glasersfeld (2004) yang menunjukkan bahawa motivasi dan sikap yang disemai berasaskan penyerapan konstruktivisme dapat membantu murid secara langsung untuk memperbaiki mutu pencapaian keseluruhan bagi mata pelajaran Sains. Dapatan kajian Von Glasersfeld tersebut terbukti menunjukkan hasil kajian ini juga selaras dengan usaha belia

guru untuk meningkatkan kualiti pencapaian murid menerusi pengajaran Bahasa Melayu. Menurut Stanbridge (2006) sikap dengan motivasi menerusi penyerapan konstruktivisme dinamik wajar sentiasa dipupuk dalam pengajaran supaya murid mudah membina minda berdasarkan pengetahuan sedia ada, dan seterusnya diaplikasikan dalam sesuatu situasi yang baharu.

Stanbridge (2004) turut menegaskan bahawa sikap dan motivasi guru menerusi penyerapan konstruktivisme dalam pengajaran berasaskan penggunaan internet dapat menerbitkan sifat-sifat keterlibatan reflektif dan aktif murid menerusi aktiviti pembentangan dan penjelasan dalam kumpulan kecil. Selaras dengan teori Piaget (1967) yang diaplikasikan dalam kajian ini, pemikiran reflektif dan aktif murid menyebabkan hubungan sikap dan motivasi belia guru amat positif ke arah usaha membina pengetahuan murid pada tahap yang kukuh. Tujuan lain adalah untuk membantu murid membuat generalisasi dan menstrukturkan semula idea. Ini juga secara tidak langsung membuka ruang untuk meningkatkan pemahaman murid tentang sesuatu isi pelajaran yang dibicarakan ketika perbincangan dan pembentangan.

Rumelhart dan Norman (2003) dalam dapatan kajiannya terdapat hubungan yang signifikan antara minat dengan rangsangan guru dalam pengajaran Geografi berasaskan penggunaan komputer. Walaupun kajian Rumelhart dan Norman berfokuskan aspek afektif minat, namun jika disesuaikan dengan dapatan kajian ini, minat dan sikap adalah seiring dan mampu mencerminkan aspek afektif secara menyeluruh (Anderson, 2005). Bruner (2004) berpendapat bahawa gabungan sikap dengan motivasi yang berhalatujukan penyerapan konstruktivisme dinamik kaya dengan kerangka pembentukan aliran kognitif. Kerangka kognitif berfokus kepada langkah untuk meningkatkan peranan pemusatan murid dan bahan, selain berupaya menyelesaikan masalah dalam suasana yang kondusif (Brown, 2006). Dalam pemusatan-pemusatan pembelajaran, wujud interaksi antara murid dengan pengetahuan yang hendak diperolehi. Selain itu, murid mendapat kefahaman tentang sesuatu bahan dan pengetahuan yang berkaitan. Hakikatnya, peranan guru sebagai fasilitator lebih berkesan dalam pendekatan konstruktivisme yang dinamik, selain wujud kepekaan murid terhadap senario pembelajaran analitis, kreatif dan konstruktif (Dick, 2006).

PENUTUP

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan motivasi belia guru sekolah menengah terhadap penyerapan konstruktivisme dinamik dalam pengajaran Bahasa Melayu berasaskan penggunaan internet. Daripada sikap dan motivasi yang ditunjukkan oleh belia guru dalam

pengajaran, murid terus terangsang untuk bertindak balas dan menunjukkan respons reflektif dan aktif dalam melakukan penilaian sendiri, selain menilai kefahaman tentang peningkatan pengetahuan. Hakikatnya, unsur yang terpapar dalam paradigma konstruktivisme dinamik berupaya menggerakkan sumber pengetahuan murid secara tekal. Pembinaan pengetahuan adalah sebagai sesuatu yang konstruktif dan perlu diselaraskan dengan penyerapan konstruktivisme. Harapannya, belia guru perlu sedar bahawa terdapat tanggungjawab yang berterusan untuk menyerapkan konstruktivisme dinamik dalam semua topik pengajaran Bahasa Melayu demi membantu menyelesaikan sesuatu masalah murid dalam pembelajaran berasaskan penggunaan internet.

RUJUKAN

- Adenan Ayob. 2010. Kesan Teknik Animasi dalam Pengenalan Perkataan Asas Bahasa Melayu bagi Pelajar Antarbangsa China. *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei*, Bil. 21, September - Disember.
- Anderson, L. W. 2005. Attitude Measurement. *The International Encyclopedia of Education (2nd edition)*. Oxford: Pergamon.
- Brown, H. D. 2006. *Principles of Language Learning and Teaching*. Third Edition. Englewood Cliffs, N.J: Prentice Hall Regents.
- Bruner, J. 2004. *Actual Minds, Possible Worlds*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Chapman, M. 2007. *Constructive Evolution: Origins and Development of Piaget's Thought*. New York: Cambridge University Press.
- Costa, A. L. (Ed.). 2004. *Developing Minds: A Resource Book for Teaching Thinking*, 1st edition. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Covington, M. V. 2000. Goal Theory, Motivation and School Achievement Among Youth: An integrative review. *Annual Review of Psychology* 51: 171-200.
- Dick, W. 2006. *An Instructional Designer's View of Constructivism*. Educational Technology, May, 41-44.
- Fischer, K. W. 2006. A Theory of Cognitive Development: The Control and Construction of Hierarchical Skills. *Psychological Review*, 87(2), 477-531.

- Gagne, R. M. 1977. *The Conditions of Learning* (3rd. ed.). New York, NY: Holt, Rinehart, & Winston.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johnson, L. 2005. Language teaching and skill learning. *The Electronic Journal for English as a Second Language*. Oxford: Blackwell.
- Piaget, J. 1967. *Biology and knowledge*. Chicago University Press.
- Reid, J. 2007. The learning style preferences of ESL students. *TESOL Quarterly*, 21(1), 87-111.
- Rosenberg, M. J., & Hovland, C. I. 1960. *Attitude organization and change*. New Haven: Yale University Press.
- Rumelhart, D. E., & Norman, D. A. 2003. *Accretion, tuning and restructuring: Three models of learning*. Hilldale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Samsudin A. Rahim. 2007. Pengurusan Pembangunan Belia ke arah Pembentukan Generasi 2057. Kertas kerja Konvensyen Pembangunan Belia: Meneroka Generasi 2057. Putrajaya, 2-4 September 2007.
- Stanbridge, B. 2004. A constructivist model of learning used in the teaching of junior science. *Australian Science Teacher Journal*, 36(4), 20–28.
- Trowbridge, J. E., & Wandersee, J. H. 2005. Identifying critical junctures in learning a college course on evolution. *Journal of Research in Science Teaching*, 31, 459–473.
- Von Glasersfeld, E. 2004. Reconstructing the concept of knowledge. *Archives de Psychologie*, 53, 91-101.
- Woolfolk, A. E. 2000. *Educational Psychology* (7th ed.). Boston: Allyn and Bacon.

Profil Penulis

Dr. Adenan Ayob,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.
adenan@fbk.upsi.edu.my